

Dr. Mahathir tidak mahu berbalah lagi

UM - 7 AUG 2005

KUALA LUMPUR 6 Ogos – Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, isu yang beliau ingin bangkitkan berkaitan permit import (AP) ialah mengenai jumlah permit yang dikeluarkan antara 2002 hingga tahun lalu.

Penasihat Proton itu berkata, apa yang menjadi perhatian beliau ialah terdapat perbezaan yang besar antara jumlah AP yang dikeluarkan pada 2003 ketika beliau masih menjadi Perdana Menteri dan 2004 iaitu selepas beliau bersara.

“Saya fikir apa yang berlaku pada 2003 adalah menarik. Sepanjang pengetahuan saya, jumlah (AP) pada 2003 adalah tidak besar berbanding 2004.

“Itu pandangan saya, mungkin saya salah (mengenai jumlah tersebut),” katanya kepada para pemberita, di sini hari ini.

Beliau sebelum itu menerima anugerah Jubli Emas Sains dan Teknologi Persatuan Saintifik Malaysia (MSA) sempena Kongres Sains Antarabangsa 2005, di sini.

Anugerah itu atas sumbangan besar

beliau dalam pembangunan dan kemajuan sains serta teknologi di negara ini sepanjang berkhidmat sebagai Perdana Menteri.

Dr. Mahathir diminta mengulas mengenai rasa tidak puas hatinya terhadap penjelasan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz mengenai isu AP semasa menggulung perbahasan pada Perhimpunan Agung UMNO, bulan lalu.

Dr. Mahathir sebelum ini menegaskan, Rafidah telah membuat kenyataan tidak benar berhubung isu AP.

Sebagai contoh, katanya, Rafidah mengeluarkan kenyataan yang sentiasa berubah-ubah mengenai jumlah serta peratusan AP tanpa sebarang asas yang kukuh sehingga ia kelihatan seolah-olah satu misteri.

Pada sidang akhbar hari ini, Dr. Mahathir berkata, beliau tidak mahu berbalah lagi dengan sesiapa mengenai isu AP tersebut memandangkan kerajaan telah memberi jaminan untuk mengkaji semula dasar automatik negara yang meliputi semua aspek termasuk industri kereta nasional dan AP.

“Saya tidak fikir kita patut berbalah mengenainya sekarang kerana apa yang paling penting ialah polisi itu sendiri. Itu yang lebih penting,” ujarnya.

Beliau yakin, kerajaan akan memberi perhatian terhadap industri kereta nasional dalam merangka satu dasar yang terbaik.

Tambahnya, terpulang kepada kerajaan untuk menentukan dasar yang hendak dilaksanakan dan beliau tidak akan campur tangan dalam perkara itu.

“Saya hanya membangkitkan (isu industri kereta nasional) kerana sebagai penasihat Proton, saya lihat syarikat itu menghadapi kesukaran (untuk bersaing) bukan saja kerana bilangan (AP) tetapi harga (kereta import) yang diisytiharkan (kepada Kastam semasa ia hendak dibawa masuk),” katanya.

Dr. Mahathir turut ditanya mengenai tekanan yang dihadapi oleh Rafidah daripada pelbagai pihak termasuk gesaan supaya beliau meletakkan jawatan sebagai menteri.

“Itu bukan urusan saya. Ini bukan

Kabinet saya. Saya hanya berminat mengenai Proton. Jangan tanya saya (mengenai tekanan yang dihadapi oleh

Rafidah). Saya tidak mahu menyatakan pandangan saya (mengenai isu itu),” ujarnya.